

8.5.2023

Siaran Media

Ir. PATHMANATHAN K.

CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP.

## **SITUASI WASPADA 3 AIR PULAU PINANG 2023: GELOMBANG KEDUA PEMBENIHAN AWAN DIPERLUKAN, PENGGUNA MESTI MENGURANGKAN PENGGUNAAN AIR**

- **Sedikit hujan direkodkan di kawasan tadahan air pada hari-hari ketika gelombang pertama pembenihan awan dijalankan di Pulau Pinang tetapi kapasiti efektif empangan masih rendah.**
- **Semua pengguna air domestik Pulau Pinang terutamanya pengguna di Air Itam dan Paya Terubong perlu mengurangkan penggunaan air dengan segera.**

PULAU PINANG, ISNIN, 8.5.2023: PBAPP mengesyorkan operasi pembenihan awan gelombang kedua di Pulau Pinang tidak lama lagi kerana rizab air mentah kedua-dua empangan di pulau itu masih di bawah 50%.

Operasi pembenihan awan gelombang pertama untuk Pulau Pinang pada tahun 2023 telah dijalankan pada 2.5.2023, 3.5.2023 dan 4.5.2023, dengan sokongan dan bantuan daripada:

- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA);
- Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM);
- Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia); dan
- Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang (BKSA).

Sepanjang tempoh 3 hari itu, PBAPP merekodkan:

- Taburan hujan 8.5mm di kawasan tadahan air Empangan Air Itam; dan
- Taburan hujan 19.5mm di kawasan tadahan air Empangan Teluk Bahang.

Jadual berikut menggariskan impak ke atas kapasiti efektif 2 empangan:

	1.1.2023	1.5.2023 (sebelum pembenihan awan)	<b>7.5.2023 (selepas gelombang pertama pembenihan awan)</b>
EMPANGAN AIR ITAM	82.5%	43.6%	<b>41.5%</b>
EMPANGAN TELUK BAHANG	64.0%	49.1%	<b>48.4%</b>

Terdapat hujan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang pada hari-hari pembersihan awan dijalankan. Bagaimanapun, lebih banyak hujan diperlukan untuk mengisi semula empangan.

### El Niño 2023

Menurut laporan tinjauan El Niño Southern Oscillation (ENSO) terkini yang diterbitkan dalam talian oleh METMalaysia\*: “Kebanyakan model ramalan iklim menjangkakan peralihan kepada El - Niño akan berlaku sekitar Mei hingga Julai dengan kebarangkalian sebanyak 62%.

Dengan kemungkinan berlakunya fenomena El Niño (panas dan kering) tahun ini, adalah mustahak untuk melakukan segala yang boleh dilakukan bagi mengelakkan kedua-dua empangan di Pulau Pinang daripada kering sebelum tiba musim hujan akan datang.

Oleh itu, PBAPP mengesyorkan pelaksanaan pembersihan awan gelombang kedua di Pulau Pinang untuk mengoptimumkan taburan hujan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

### Sila kurangkan penggunaan air dengan segera

Dalam tempoh 1.1.2023 hingga 7.5.2023, kapasiti efektif Empangan Air Itam menyusut sebanyak 41% manakala kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang menyusut sebanyak 15.6%.

Ini kerana kapasiti efektif maksimum Empangan Air Itam ialah 2,160 juta liter (ML) manakala kapasiti efektif maksimum Empangan Teluk Bahang adalah ketara lebih tinggi: 18,240 ML.

Salah satu faktor utama yang menyebabkan penyusutan pantas rizab empangan pada tahun 2023 adalah jumlah hujan yang rendah sejak 1.1.2023. Faktor lain yang juga penting ialah penggunaan air yang tinggi; terutamanya penggunaan air domestik yang menyumbang 61.6% daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang pada tahun 2022.

Pada 2022, PBAPP membekalkan 868 juta liter air terawat setiap hari di Pulau Pinang. Ini adalah purata volum setiap hari tertinggi untuk satu tahun yang telah kami bekalkan dalam sejarah PBAPP. Pada Januari 2023, kami memecahkan rekod 2022 dengan membekalkan purata 875 JLH. Pada Februari 2023, kami membekalkan purata yang lebih tinggi sebanyak 944 JLH.

Sehubungan itu, PBAPP ingin merayu kepada semua pengguna air domestik di Pulau Pinang agar mengurangkan penggunaan air di rumah dengan segera. Ini adalah rayuan yang mendesak, dan ia begitu relevan kepada pengguna air domestik di Air

Itam, Paya Terubong dan semua kawasan perkhidmatan lain yang berdekatan Empangan Air Itam.

Sama-sama bantu kami untuk “memulihara” rizab Empangan Air Itam selama mungkin. Ini adalah empangan terkecil di Pulau Pinang dan kapasiti efektifnya adalah di bawah 50%. Lebih-lebih lagi, kita mungkin menghadapi fenomena El Niño tahun ini. Sekiranya kapasiti efektifnya mencecah 0%, tiada lagi air yang tinggal untuk dibekalkan ke Air Itam, Paya Terubong dan kawasan berhampiran.

### Tip penjimatan air domestik yang paling mudah dan berkesan

Cara paling mudah dan paling berkesan untuk mengurangkan penggunaan air di rumah ialah berhenti menggunakan hos.

- Jangan gunakan hos untuk menyiram pokok atau taman anda. Gunakan tin penyiram.
- Jangan gunakan hos untuk membersihkan kereta atau motosikal anda. Sebaliknya, gunakan baldi, kain dan span; dan hanya bersihkan kenderaan anda apabila ia benar-benar perlu.
- Jangan gunakan hos untuk membersihkan halaman anda. Gunakan penyapu.

Juga, sila jangan biarkan paip mengalir. Buka paip hanya pada masa anda perlu membilas tangan, makanan, pakaian, peralatan memasak dan pinggan mangkuk. Kemudian, tutup segera.

Untuk tip-tip jimat air lain, sila lawati: [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)

Di pihak kami, PBAPP akan mengepam lebih banyak air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Perai ke Pulau Pinang untuk mengurangkan pergantungan kepada Empangan Air Itam, seboleh yang mungkin. Kami juga akan mengetatkan kawalan cuaca kering kami di kawasan perkhidmatan Air Itam untuk meminimumkan pengeluaran harian dari empangan.

Salah satu objektif utama PBAPP kini adalah untuk mengelakkan kehabisan sepenuhnya rizab Empangan Air Itam untuk kemungkinan tahun El Niño. Bagi mencapai objektif ini, kami memerlukan sokongan dan kerjasama segera daripada pengguna air domestik Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)

\* <https://m.met.gov.my/iklim/ramalanbermusim/ramalanelninerkini?lang=en>



4.5.2023 : CLOUD SEEDING OVER PBAPP'S TELUK BAHANG DAM